

25 JUN 2001

MAHATHIR-IFSO

MALAYSIA SEDIA JADI TUAN RUMAH IFSO, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berharap akan menjadi tuan rumah kepada Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSO), sebuah institusi yang dicadangkan bagi mengadakan amalan piawaian dan kewangan tertentu dalam perbankan Islam.

Bercakap kepada pemberita selepas pembukaan Simposium Ekonomi Islam Al Baraka kali ke-20 di sini hari ini, beliau berkata penubuhan institusi itu telah dipersetujui tetapi negara penganjur belum diputuskan.

"Kita mahu IFSO di Malaysia dan semua negara Islam menjadi anggota. Ia juga berkaitan dengan Pertubuhan Persidangan Islam," katanya.

Beliau menambah bahawa Bahrain merupakan satu lagi negara yang berminat untuk menjadi tuan rumah, tetapi perdana menterinya akan bersetuju sekiranya institusi itu ditempatkan di Malaysia.

Sementara itu dalam ucapannya di simposium itu, Dr Mahathir berkata penubuhan institusi itu akan membantu dan memantapkan perbankan Islam.

Memandangkan jumlah wang yang besar dipegang oleh negara-negara Islam, dan wang itu disimpan di luar dunia Islam di mana tiada perbankan Islam dan di mana mereka tidak mendapat sebarang faedah, kerugian kepada dunia Islam adalah besar.

Sebaliknya terdapat banyak negara Islam yang memerlukan wang dan mereka terpaksa menerima pinjaman di bawah sistem riba, katanya.

"Jika kita dapat menubuhkan tabung dan bank Islam, kita tidak hanya akan mendapat pulangan daripada pelaburan tetapi kita akan mengurangkan beban saudara-saudara Islam kita yang miskin," tambahnya.

Lagipun, perbankan dalam Islam bukan setakat memberi pinjaman untuk mendapat keuntungan daripada peminjam, tetapi kedua-dua pihak akan mendapat faedah daripada transaksi kewangan itu.

Oleh itu, perbankan Islam adalah jauh lebih unggul daripada amalan-amalan perbankan komersial sedia ada dan ini bersama-sama dengan penubuhan IFSO akan memberi manfaat kepada semua, tambahnya.

Dr Mahathir juga berkata adalah lebih baik bagi negara-negara Islam mewujudkan sistem kadar tukaran yang akan dapat meningkatkan dagangan di antara mereka dalam bentuk sistem pembayaran yang tidak bergantung kepada dolar Amerika.

Malaysia, tambahnya, telah memperkenalkan "Peraturan Pembayaran Dua Hala" (BPA) di mana jumlah dagangan antara dua negara dikira dalam tempoh masa yang ditetapkan dan hanya perbezaan di antara jumlah nilai eksport dan import dibayar dalam satu matawang yang dipersetujui.

Sejak pengenalannya, katanya, dagangan dengan banyak negara membangun di bawah peraturan ini telah meningkat lebih 400 peratus sejak beberapa tahun lepas.

Setakat ini, Malaysia mempunyai peraturan sebegitu dengan 24 negara, di mana satu pertiga adalah negara-negara Islam, katanya.

Lebih banyak negara akan menyertainya tetapi sebahagian negara mempunyai undang-undang sendiri yang menyukarkan mereka mengadakan BPA, katanya.

Ditanya samada BPA akan membantu Malaysia mencecah dagangan keseluruhan AS\$200 bilion tahun ini, beliau berkata, Malaysia berharap akan mencapai eksport AS\$100 bilion tahun ini berbanding AS\$98 bilion tahun lepas.

Beliau, bagaimanapun, menambah bahawa kelembapan di Amerika merupakan satu masalah.

Selain BPA, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam boleh mewujudkan matawang bersama mereka sendiri.

Cadangan baru-baru ini mengenai dinar emas Islam akan mewujudkan blok perdagangan Islam dengan suara yang lantang dalam rejim-rejim perdagangan antarabangsa dan membentuk kerangka kewangan baru.

Bagaimanapun, dunia Islam masih boleh mengurusniaga dengan dunia lain sebagai negara individu atau sebagai kumpulan serantau atau sebagai Komuniti Kewangan Islam. -- BERNAMA

SHO/HS SD JR